KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	26.08.22	MUKA SURAT	:	25
JABATAN	:	PERHILITAN			

Rugi RM70,000 angkara gajah

Pekebun alami kerugian besar selepas pelbagai tanaman diusahakan dirosakkan haiwan liar

Oleh Nazdy Harun
am@hmetro.com.my

Kuala Berang

Seorang pekebun rugi RM70,000 apabila kira-kira 1,000 pokok pisang, 3,000 pokok nanas, 35 pokok kelapa dan 30 pokok durian Musang King di kebunnya di Felda Mengkawang di sini, musnah 'dikerjakan' seekor gajah liar sejak beberapa hari lalu.

Mat Rawi Osman, 70, berkata, pokok pisang berkenaan sudah mengeluarkan hasil manakala nanas pula sudah berbunga dan hasilnya dijangka boleh dipungut lima bulan lagi.

"Pokok kelapa dan durian yang berusia setahun pula musnah akibat dipijak gajah terbabit. Sepanjang 20 tahun mengusahakan kebun buah-buahan, ini kali pertama gajah merosakkan tanaman dan setakat ini, tiga kebun milik penduduk turut dimusnahkan gajah itu.



MAT Rawi menunjukkan sebahagian tanaman yang dirosakkan gajah liar di kebun miliknya di Felda Mengkawang, Kuala Berang.

"Selain merosakkan kebun, gajah terbabit turut ke kawasan berhampiran kampung untuk mencari makanan dan situasi itu amat menggusarkan penduduk," katanya semalam.

Tambahnya, dia berhasrat untuk melakukan kerja tanam semula namun bimbang kejadian sama berulang selagi gajah terbabit masih berkeliaran.

"Termenung saya sebaik sahaja melihat kebun dimusnahkan gajah liar itu memandangkan hasil yang bakal dikeluarkan musnah sekelip mata.

"Berikutan kejadian, kakitangan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) datang bagi memantau pergerakan gajah itu," katanya.

"Pokok kelapa dan durian yang berusia setahun pula musnah akibat dipijak gajah terbabit. Sepanjang 20 tahun mengusahakan kebun buah-buahan, ini kali pertama gajah merosakkan tanaman"

Mat Rawi

Menurutnya, bagi mengelak kejadian berulang, anaknya akan ke kebun pada waktu malam untuk menghidupkan unggun api untuk menakutkan haiwan itu namun ia hanya langkah sementara.

"Gajah yang menceroboh ini hanya seekor namun kehadirannya cukup mencetuskan masalah kepada kami," katanya.